

24 JUL 1996

Syariah

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA MUNGKIN AKHIR TAHUN

MELAKA, 24 Julai (Bernama) -- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dijangka diwujudkan akhir tahun ini dalam usaha mempertingkatkan pentadbiran Mahkamah Syariah, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abd Hamid Othman.

Beliau berkata apabila diwujudkan nanti jabatan itu dijangka dapat menyusun semula pentadbiran Mahkamah Syariah dengan lebih sistematik.

"Penyusunan semula itu melibatkan semua kakitangan mahkamah syariah di negeri-negeri termasuk hakim dan pegawai sokongan," katanya kepada pemberita selepas persidangan berita mengenai majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-17 di Masjid Al-Azim di sini malam tadi.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa kabinet telah meluluskan cadangan penyusunan semula mahkamah Syariah di seluruh negara bagi meningkatkan pentadbirannya.

Perdana Menteri berkata sebuah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia akan ditubuhkan oleh kerajaan persekutuan dengan diketuai Ketua Hakim Syarie Malaysia dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Penyusunan semula itu juga termasuk pengwujudkan Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah dan menjadikan perkhidmatan pegawai hal ehwal Islam sebagai Perkhidmatan Bersama.

Dr Hamid berkata kerajaan persekutuan telah bersetuju untuk membantu kerajaan negeri dalam penyusunan semula pentadbiran hal-ehwal Islam melalau beberapa kaedah.

Beliau berkata kaedah itu akan memudahkan pelaksanaan program latihan kepada kakitangan yang terlibat dan mengelakkan apa-apa kejanggalan.

"Langkah ini boleh dikatakan satu perubahan terbesar di negara ini dengan memasukkan Islam dalam arus perdana pemerintahan negara dan menukar wajah pentadbiran hal-ehwal Islam," katanya.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata penyusunan semula Mahkamah Syariah di seluruh negara itu tepat pada masanya dan beliau yakin ia akan mencapai matlamat meningkatkan pentadbirannya.

"Kerajaan Negeri menyambut baik langkah itu kerana pada masa ini terdapat banyak perbezaan dalam urusan pentadbiran agama antara negeri-negeri," kata Isa yang juga Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) kepada pemberita hari ini.

Beliau berkata selain dapat mengatasi masalah kes tertangguh, penyusunan semula itu juga akan dapat menyelesaikan masalah kekurangan kakitangan.

"Kini kekurangan kakitangan di Mahkamah Syariah begitu ketara terutama di peringkat sokongan dan melalui penyelarasan pentadbiran ini, ia akan dapat diselesaikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)," katanya.

Di IPOH, Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Haji Mohd Zaim Abu Hassan berkata, masalah kekurangan kakitangan di Jabatan-jabatan Agama Islam negeri dapat diatasi melalui penyusunan semula itu.

Menurutnya, lebih ramai lulusan agama akan berminat mengisi jawatan berkenaan termasuk hakim mahkamah syariah jika perlantikan dibuat di peringkat pusat yang membolehkan mereka berkhidmat di seluruh negara dengan peluang kenaikan pangkat yang lebih besar.

Mohd Zaim berkata, selain hakim, negeri seperti Perak juga menghadapi kekurangan penguatkuasa menyebabkan aktiviti penguatkuasaan terhad. --

BERNAMA

RAB LAT NMO

